Kontena Wilayah Bhd lwn Ng Weng Chow

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1–16–02 TAHUN 2001

RAUS SHARIF H

18 OKTOBER 2004

Undang-Undang Buruh — Pegawai buruh — Kuasa — Bidangkuasa Mahkamah Buruh — Sama ada Mahkamah Buruh mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan mengenai perjanjian lanjutan daripada kontrak perkhidmatan — Akta Kerja 1955 s 69

Responden ('pengadu') bekerja dengan perayu ('Kontena') sebagai pengurus pemasaran dan dibayar gaji sebanyak RM4,500 sebulan. Pada 29 September 1998 Kontena telah memberi satu bulan notis berhenti kerja kepada pengadu. Kontena tidak membayar gaji pengadu bagi bulan Ogos sebaliknya membuat beberapa tolakan dari gaji itu untuk membayar pinjaman yang telah diberi oleh syarikat kepada pengadu. Pengadu terkilan dengan tindakan tersebut dan membuat aduan ke Jabatan Buruh Selangor. Pegawai Buruh yang membicarakan kes ini memutuskan bahawa pengadu adalah layak untuk menerima gajinya bagi bulan Ogos 1998 sebanyak RM4,500. Pegawai Buruh juga memutuskan bahawa Mahkamah Buruh tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan dan memutuskan kontrak pinjaman yang dibuat oleh Kontena dan pengadu kerana ianya merupakan satu kontrak yang berasingan dari kontrak perkhidmatan. Kontena terkilan dan membuat rayuan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu dengan kos

(1) Kontrak perkhidmatan yang asal tidak selalunya menggambarkan hak dan tanggungjawab semasa yang kian bertambah mengikut perubahan masa dan perkembangan perniagaan. Jadi, adalah tidak tepat untuk mensifatkan perjanjian membeli kereta itu sebagai terkeluar dari kontrak perkhidmatan yang asal. Ini adalah kerana majikan mempunyai budi bicara untuk menetapkan faedah semasa dan akan datang untuk kepentingan dan kebaikan pekerjanya dan tentunya ia, apabila diberikan akhirnya akan menjadi sebahagian daripada kontrak perkhidmatan (lihat perenggan 7).

(2) Memandangkan kontrak pinjaman ini merupakan lanjutan daripada kontrak perkhidmatan dan dipersetujui oleh pengadu maka Kontena mempunyai hak untuk membuat tolakan kepada gaji responden (lihat perenggan 8).

(3) Mahkamah Buruh mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan isu yang berkaitan dengan kontrak pinjaman wang antara Kontena dan pengadu di bawah s 69 Akta Kerja 1955 (lihat perenggan 8).

[**English summary**

The respondent ('complainant') was employed by the appellant ('Kontena') as a marketing manager and drew a salary of RM4,500 a month. On 29 September 1998, Kontena gave the complainant a one-month notice of termination. Kontena did not pay the complainant's salary for the month of August but instead made a number of deductions to set off a loan that the company had given to the complainant. The complainant was dissatisfied with this and made a complaint to the Selangor Labour Department. The labour officer which heard the matter decided that the complainant was entitled to receive his August 1998 salary of RM4,500. The labour officer also decided that the Labour Court did not have jurisdiction to hear and decide upon matters relating to the loan contract made between Kontena and the complainant because it was a separate contract from the employment contract. Dissatisfied, Kontena appealed to this court.

Held, allowing the appellant's appeal with costs:

(1) The original contract of employment does not always reflect current rights and responsibilities which is constantly increasing following the tide of time and business development. As a result, it would not be accurate to deem the agreement to buy a car as being outside the original contract of employment. This is because employers have discretion in setting the current and future interest payable for the benefit of its employees and it is inevitable that, when it is finally given, it would become part of the contract of employment (see para 7).

(2) As the loan contract is both an extension of the contract of employment and agreed to by the complainant, Kontena had the right to make deductions from the respondent's salary (see para 8).

(3) The Labour Court had jurisdiction to hear and decide on issues relating to the loan contract between Kontena and the complainant under s 69 of the Employment Act 1955 (see para 8).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kuasa pegawai buruh, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1425–1426.

Kes-kes yang dirujuk

Poominathan a/l Kuppusamy v Besprin Stationers Sdn Bhd [2003] 3 MLJ 249 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kerja 1955 s 69

SO Shih (Shih & Associates) bagi pihak perayu.
S Ghanarajah (A Ghanarajah & Co) bagi pihak responden.

Raus Sharif J:

[1] Ini adalah rayuan Kontena Wilayah Bhd ('Kontena') yang tidak berpuashati terhadap keseluruhan keputusan yang dibuat oleh pegawai buruh, Mahkamah Buruh, Kuala Lumpur yang memutuskan bahawa pengadu layak untuk menerima gaji bagi bulan Ogos tahun 1998 berjumlah RM4,500 menurut s 69 Akta Kerja 1955.

[2] Pengadu bekerja dengan Kontena sebagai pengurus pemasaran semenjak 1 Mac 1997 dan dibayar gaji sebanyak RM4,500 sebulan. Pada 29 September 1998 Kontena telah memberi satu bulan notis berhenti kerja kepada pengadu. Kontena tidak membayar gaji pengadu bagi bulan Ogos sebaliknya membuat beberapa tolakan dari gaji itu untuk membayar pinjaman yang telah diberi oleh syarikat kepada pengadu. Pengadu terkilan dengan tindakan tersebut dan pada 21 November, 1998, membuat aduan ke Jabatan Buruh Selangor.

[3] Pada 20hb Julai 1999, perbicaraan penuh dijalankan hadapan pegawai buruh di Kuala Lumpur. Pegawai buruh yang membicarakan kes ini memutuskan bahawa pengadu adalah layak untuk menerima gajinya bagi bulan Ogos 1998 sebanyak RM4,500. Pegawai buruh juga memutuskan bahawa Mahkamah Buruh tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicara dan memutuskan kontrak pinjaman yang dibuat oleh Kontena dan pengadu kerana ianya merupakan satu kontrak yang berasingan dari kontrak perkhidmatan. Kontena terkilan dan merayu ke Mahkamah Tinggi.

[4] Di peringkat rayuan, Kontena berhujah bahawa pegawai buruh telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang bila memutuskan bahawa kontrak perkhidmatan dan kontrak pinjaman wang adalah 'berasingan' dan memutuskan bahawa Mahkamah Buruh tiada kuasa untuk memutuskan pertikaian yang berkaitan dengan perjanjian pinjaman wang antara Kontena dan pengadu. Kontena memetik nas kes *Poominathan a/l Kuppusamy v Besprin Stationers Sdn Bhd* [2003] 3 MLJ 249 yang mana Hakim Zaleha Zahari (HMT) memutuskan antara lain:

> The labour officer erred in holding that the terms of employment were to be construed to that prevailing at the time of the appellant's employment in 1994. When the respondent took out the group insurance policy in favour of the named employees in 1996, the benefits of such policy was an additional benefit of employment constituting the 'term of employment' to which the named employees were entitled. Any subsequent dispute relating to the payment of such benefits would accordingly fall within the ambit of s 69 of the Act and that the labour officer accordingly had jurisdiction to entertain the appellant's claim.

[5] Kontena berhujah bahawa pinjaman kewangan yang diberikan kepada pengadu untuk membeli kereta semasa bekerja dengan Kontena adalah merupakan

kemudahan tambahan yang diberi dan menjadi sebahagian daripada terma terma pekerjaan antara Kontena dan pengadu.

[6] Isu yang diutarakan di peringkat rayuan ini adalah sama ada pegawai buruh khilaf bila memutuskan bahawa kontrak pinjaman membeli kereta antara Kontena dan pengadu adalah merupakan kontrak yang berasingan dengan kontrak perkhidmatan dan yang demikian itu, Mahkamah Buruh tiada bidangkuasa untuk memutuskan hal yang berkaitan dengan kontrak pinjaman itu.

[7] Saya berpendapat bahawa pegawai buruh telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang bila memutuskan demikian. Kontrak perkhidmatan asal pengadu hanya menetapkan terma-terma asas perkhidmatan seperti gaji dan elaun, cuti tahunan, waktu bekerja dan lain lain perkara yang menyentuh tentang hal perkhidmatan semasa responden diterima sebagai pekerja. Hak dan tanggungjawab pihak pihak pada kebiasaanya bukanlah suatu yang statik dan selalunya berubah dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, kontrak perkhidmatan yang asal tidak selalunya menggambarkan hak dan tanggungjawab semasa yang kian bertambah mengikut perubahan masa dan perkembangan perniagaan. Jadi, adalah tidak tepat untuk mensifatkan perjanjian membeli kereta itu sebagai terkeluar dari kontrak perkhidmatan yang asal. Ini adalah kerana majikan mempunyai budibicara untuk menetapkan faedah semasa dan akan datang untuk kepentingan dan kebaikan pekerjanya dan setentunyalah ia, apabila diberikan akhirnya akan menjadi sebahagian daripada kontrak perkhidmatan.

[8] Di dalam kes ini adalah pendapat saya bahawa Mahkamah Buruh mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan isu yang berkaitan dengan kontrak pinjaman wang antara Kontena dan pengadu di bawah s 69 Akta Kerja 1955. Dalam soal ini adalah didapati bahawa pengadu telah mengambil pinjaman tanpa faedah dari Kontena sebanyak RM20,000 dan telah mempersetujui bahawa cara bayaran balik ke atas pinjaman ini adalah melalui tolakan gaji sebanyak RM500 sebulan. Memandangkan kontrak pinjaman ini merupakan lanjutan daripada kontrak perkhidmatan dan dipersetujui oleh pengadu maka Kontena mempunyai hak untuk membuat tolakan kepada gaji responden.

[9] Keputusan Mahkamah Buruh diketepikan. Rayuan dibenarkan dengan kos.

Rayuan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh K Krishnan